

# 'Mastermind' ganja Thai tumpas

Oleh **NOOR HASLIZA NUSI**  
utusannews@mediamulia.com.my

**GEORGETOWN:** Polis melumpuhkan satu sindiket pengedaran dan penyeludupan ganja dari Thailand ke negara ini menggunakan laluan laut selepas menahan 12 suspek termasuk dalang utama di negeri ini, Kedah dan Perak.

Suspek yang terdiri daripada 11 lelaki termasuk seorang warga Thailand dan seorang wanita tempatan itu diberkas sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman dalam operasi khas pada 27 dan 28 Oktober lalu.

Serbuan tersebut turut mendapat kerjasama daripada pasukan JSJN Pulau Pinang dan Kedah.

Timbalan Pengarah Narkotik (Risikan/Operasi) JSJN Bukit Aman, Deputi Komisioner Zainudin Ahmad berkata, suspek berusia 22 hingga 46 tahun itu diberkas dalam serbuan yang dijalankan secara serentak di tiga negeri terbabit.

Menurutnya, tangkapan per-



**ZAINUDIN Ahmad (tengah) pada sidang akhbar tangkapan suspek dan rampasan 313 ketulan mampat ganja bernilai RM772,500 di IPK Pulau Pinang, semalam. -UTUSAN/ NOOR HASLIZA NUSI**

tama ke atas seorang suspek lelaki warga Thailand yang juga pembantu restoran makanan tomyam di negeri ini dilakukan di kawasan Bagan Nyiur, Seberang Perai Tengah kira-kira pukul 9.15 malam, Selasa lalu.

Katanya, hasil pemeriksaan di dalam kereta jenis Toyota Vellfire berwarna hitam yang dipandunya seorang diri menemukan 15 bungkusan plastik hitam berisi 313 ketulan ganja mampat seberat 309 kilogram.

“Susulan penahanan suspek yang dikatakan hampir lima tahun tinggal di negeri ini dan juga orang tengah dalam sindiket itu membawa kepada tangkapan 11 lagi ahli termasuk ‘mastermind’.

“Tangkapan bersiri itu di-

jalankan di Taiping, Perak dengan menahan satu pasangan lelaki dan wanita manakala sembilan lagi diberkas di kawasan Seberang Perai Tengah di sini dan Kupang di Kedah,” katanya pada sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri di sini semalam.

Beliau memberitahu, nilai keseluruhan ganja yang dirampas adalah RM772,500 selain turut merampas dadah jenis syabu seberat 495 gram dengan nilai pasaran RM49,500 di kediaman pasangan berkenaan.

Katanya, turut disita adalah 15 buah kenderaan seperti Mazda CX5, Toyota Alphard, Proton X70, BMW 3 Series, Isuzu Dmax, Nissan Cefiro, Toyota Wish, Honda HRV dan Honda Civic dengan nilai keseluruhan RM1.5 juta selain wang tunai dan sebertuk cincin.

“Dalam serbuan di negeri ini, seorang suspek yang juga antara individu penting dalam sindiket terbabit dilaporkan meninggal dunia akibat serangan jantung selepas dibawa menerima rawatan di hospital,” katanya.